



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK  
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,  
JALAN SIMPANG TIGA,  
93592 KUCHING,  
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)  
Faks : 082-424489  
E-mel : [pmswk@treasury.gov.my](mailto:pmswk@treasury.gov.my)  
Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

**Rujukan Kami : PKP(8.00)96/3-7 Jilid.3(51 )**  
**Tarikh : 1 Oktober 2013**  
**25 Zulkaedah 1434H**

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan di Negeri Sarawak**

**Semua Ketua Badan Berkanun di Negeri Sarawak**

**Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan Negeri Sarawak**

**Semua Setiausaha Tetap Kementerian di Negeri Sarawak**

**Semua Residen Bahagian**

**Semua Pegawai Daerah**

Y. Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK (PMS)  
BILANGAN 2 TAHUN 2013 - TATACARA PEROLEHAN BAGI PEMBEKALAN  
BAHAN BAKAR/DIESEL SECARA PUKAL**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kaedah perolehan bagi pembekalan bahan bakar/diesel secara pukal.

**2. LATAR BELAKANG**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) Bilangan 4 Tahun 2009 bertarikh 11 Disember 2009 menetapkan perolehan pembekalan bahan bakar/diesel secara pukal hendaklah mematuhi tatacara perolehan yang berkuatkuasa. Sehubungan itu, sejak akhir-akhir ini didapati banyak Jabatan dan Agensi Persekutuan di Sarawak telah tidak mematuhi surat pekeliling tersebut.

**3. KAEDAH PEROLEHAN SEMASA**

- 3.1 Jabatan dan Agensi Persekutuan di Sarawak hendaklah mematuhi tatacara perolehan semasa dalam membuat perolehan bahan bakar/diesel secara pukal. Bagi pembekalan bahan bakar/diesel secara pukal yang tidak melebihi RM50,000.00 setahun, pembelian terus boleh dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 173.1;



- 3.2 Bagi perolehan pembekalan bahan bakar/diesel secara pukal yang bernilai RM50,000.00 hingga RM500,000.00 setahun, Jabatan pengguna perlulah melaksanakan perolehan tersebut secara sebutharga dan tatacara perolehan sebutharga boleh dirujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009;
- 3.3 Bagi perolehan pembekalan bahan bakar/diesel secara pukal yang bernilai melebihi RM500,000.00 setahun pula, perolehan secara tender perlu dilaksanakan. Jabatan pengguna boleh merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 bagi tatacara perolehan secara tender; dan
- 3.4 Mana-mana Jabatan/Agensi Kerajaan yang melaksanakan perolehan bahan bakar/diesel hendaklah mendapatkan nasihat daripada **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Negeri Sarawak dalam urusan penilaian tender mereka.**

#### **4. KRITERIA SYARIKAT**

Syarikat-syarikat pengedar perolehan bahan bakar/diesel hendaklah mematuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang bahan bakar/diesel (060301);
- ii. Bertaraf 100% Bumiputera;
- iii. Mempunyai surat pelantikan sebagai pengedar yang sah daripada syarikat minyak;
- iv. Mendapat kelulusan KPDNKK untuk menyimpan bahan bakar/diesel bersubsidi; dan
- v. Mendapat kelulusan Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk membekal bahan bakar/diesel bersubsidi kepada agensi Kerajaan.

#### **5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk membuat perancangan perolehan sepanjang tahun untuk memastikan perolehan bagi setiap item tidak melebihi nilai pembelian terus yang dibenarkan. Sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran ke atas tatacara perolehan dan prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa perlulah mendapat kebenaran daripada Perbendaharaan terlebih dahulu.


## 6. KUATKUASA

Surat Pekeliling PMS ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2013**. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling PMS ini, maka Surat Pekeliling PMS Bilangan 4 Tahun 2009 bertarikh 11 Disember 2009 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATU JABIDAH BINTI MONSERI)**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak  
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Rujukan Kami : PKP(8.00)96/3-7 Jilid.3(51) bertarikh 4 Oktober 2013

**s.k**

Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Cawangan Negeri Sarawak  
Tingkat 6, Bangunan TDPT Haji Bujang  
Jalan Simpang Tiga  
**93594 KUCHING, SARAWAK**